

Mendaki mula kajian fahami faktor pengaruh tenaga kerja, kerjaya masyarakat Melayu/Islam

Berita Harian, 31 October 2021

YAYASAN Mendaki kini sedang menjalankan satu kajian mengenai pekerjaan dan peluang mendapat kerja untuk memahami faktor yang mempengaruhi keputusan kerjaya yang dibuat tenaga kerja Melayu/Islam, kata Menteri Negara Kanan (Pertahanan merangkap Tenaga Manusia), Encik Zaqy Mohamad.

Kajian selama setahun itu, yang telah dimulakan pada 1 Oktober lalu, melibatkan 1,000 responden warga Melayu/Islam Singapura dan penduduk tetap (PR) berusia antara 15 dengan 55 tahun.

Dalam ucapannya di sesi Dialog Dasar Mendaki-Institut Pengajian Dasar (IPS) yang diadakan di Institut Pembelajaran Sepanjang Hayat di Paya Lebar semalam, Encik Zaqy berkata:

"Kajian ini akan membolehkan Mendaki, agensi-agensi nasional dan pihak berkepentingan masyarakat mengenal pasti cabaran dan jurang berkaitan kerjaya yang dihadapi masyarakat kita dan membimbing kita dalam pembangunan daya usaha atau dasar untuk menyokong pekerja Melayu/Islam kita."

Sesi dialog itu adalah sebahagian daripada acara penutup bulan Raikan Ilmu yang dianjurkan Mendaki pada bulan ini.

Mengongsi lanjut tentang kajian itu, Ketua Kumpulan, Jabatan Kajian dan Rekaan di Mendaki, Encik Faisal Aman, berkata kajian itu dijalankan ekoran beberapa dapatan yang timbul dalam Banci Penduduk 2020 berkaitan masyarakat Melayu/Islam.

Antaranya, banci itu mendapati terdapat trend lebih ramai lelaki Melayu yang memiliki kelayakan diploma, iaitu 15.1 peratus, dan Mendaki mahu menggalak mereka melanjutkan pengajian kerana terdapat potensi bagi mereka mempertingkatkan kemahiran.

Selain itu, perangkaan juga menunjukkan satu dalam setiap dua wanita Melayu berusia 15 tahun ke atas tidak bekerja dan ini lebih tinggi berbanding purata nasional.

Menerusi kajian itu, Encik Faisal berharap mereka dapat memahami aspek sifat dan pemikiran masyarakat Melayu/Islam dalam memilih sesuatu kerjaya dalam pasaran buruh, dan mengenal pasti cabaran berkaitan kerjaya masing-masing.

Kajian itu juga berharap dapat mengetahui perbezaan dalam persepsi antara kumpulan yang berlainan apabila ia melibatkan isu pekerjaan.

Dapatan kajian kemudian akan digunakan untuk membangunkan dan memperbaiki serta memperhalusi daya usaha dan program Mendaki.

Dapatan kajian itu dikongsi dalam sesi Dialog Dasar Mendaki-IPS tahun depan.

"Kajian penyelidikan mengambil perhatian terhadap landskap pekerjaan semasa dan masa hadapan, di mana majikan mencari dan menyokong bakat setempat dan bagaimana agensi

seperti SkillsFuture Singapura (SSG) dan Mendaki membina keupayaan belia dan pekerja untuk mempersiapkan diri beralih ke sektor pertumbuhan," kata beliau.

Dalam pada itu, Encik Zaqy juga telah menyaksikan majlis menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) antara Mendaki dengan SSG semalam.

MOU itu akan memperkukuh kerjasama antara badan bantu diri dengan agensi itu dalam bidang seperti pekerjaan dan pembangunan kerjaya.